



KUMPULAN Nasyid Interacksee ternyata berbangga selepas dinobatkan sebagai naib johansempena Festival Filem Nasyid pada Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) 2013.

USIM bolot anugerah emas festival nasyid

KUMPULAN nasyid Interacksee dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) membolot Anugerah Emas bagi tiga kategori iaitu Persembahan Terbaik, Lirik Terbaik dan Busana/Tatarias Terbaik sempena Festival Filem Nasyid pada Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) 2013 yang berlangsung di Panggung Percubaan Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Bagaimanapun kemenangan itu hanya melayakkan USIM dinobatkan

sebagai naib johan keseluruhan yang membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM2,000 beserta piala iringan, manakala johan keseluruhan dimenangi oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) diikuti Universiti Malaya (UM) di tempat ketiga.

Dalam festival itu, USIM mempertaruhkan lagu bertajuk *Gelora Muara Jiwa* berentak kontemporari nasyid moden dengan berkonsepkan 'marching'.

Lirik lagu nasyid itu ditulis sendiri oleh pelajar alumni USIM, Shukri Sahari yang juga merupakan Urusetia Kesenian Pelajar, Unit Kebudayaan

Bahagian Hal Ehwal Pelajar universiti tersebut.

Beliau telah menghasilkan beberapa buah lagu sebelum ini dan telah memenangi beberapa buah anugerah hasil ciptaannya.

Shukri berkata, kemenangan itu melakarkan sejarah yang amat membanggakan dan bersyukur kerana USIM yang baru setahun jagung mampu bersaing dengan universiti lain yang sudah menempa nama di peringkat kebangsaan seperti UPM dan UKM.

"Tambahan pula bukan senang meraih kejayaan apabila berhadapan dengan pelbagai dugaan semasa sesi

latihan, ditambah dengan kesuntukan masa yang mereka hadapi dalam mempersiapkan diri untuk pertandingan tersebut.

"Irama nasyid sekarang dipandang sepi dan tidak serancak nasyid zaman kumpulan Raihan dan Rabbani.

"Oleh kerana itu, kita seharusnya berani mencari formula baru untuk menjadikan lagu-lagu nasyid kembali bernadi di hati masyarakat," katanya kepada .com.

Beliau yang bergiat aktif menghasilkan lirik lagu akan terlibat dengan rakaman album zikir oleh seorang pendatang nasyid baharu dalam masa terdekat ini. ☺